

5 guru, 20 murid nyaris lemas

» *Hujan lebat dua jam punca air naik mendadak*

Oleh Syafiq Aznan
bhnews@bh.com.my

► **Shah Alam**

Seramai 20 murid serta lima guru terpaksa dipindahkan ke tempat selamat selepas premis bangunan tadika yang mereka gunakan di Bandar Puncak Alam, dinaiki air setinggi dua meter, selepas hujan lebat lebih dua jam, petang semalam.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor, Mohd Sani Harul, berkata selain murid terbabit, penduduk di kawasan sekitar juga terpaksa bermalam di pusat pemindahan sementara yang dibuka selepas kediaman mereka dinaiki air.

"Murid tadika dan guru mereka diselamatkan oleh anggota bomba dan penyelamat selepas mereka terperangkap dalam banjir kilat itu.

"Semua 20 murid dan lima guru itu berjaya di-



Anggota Bomba dan Penyelamat **memindahkan mangsa yang terperangkap** akibat banjir kilat di Puncak Alam, semalam.

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]

pindahkan ke surau Taman Lorong Lautan Samudera, Bandar Puncak Alam pada jam 5.25 petang dengan menaiki bot," katanya kepada pemberita.

Ditenggelami air

Banjir juga dilaporkan di Meru, Shah Alam 2 dan Alam Perdana yang bukan saja menyebabkan kediaman penduduk dinaiki air dan penghuni terkandas tetapi juga menyebabkan kenderaan mereka yang tidak sempat dipindahkan turut ditenggelami air.

Beliau berkata, jumlah

sebenar mangsa yang dipindahkan belum diketahui setakat ini memandangkan pusat pemindahan sementara baru dibuka dan diselia.

Mohd Sani berkata, hujan lebat disusuli angin kencang itu turut mengakibatkan pokok tumbang di beberapa lokasi di Selangor.

"Ada laporan pokok tumbang di kawasan Batu Arang, Rawang, Rantau Panjang, Kapar dan Morib sehingga menghalang lalu lintas di kawasan terbabit," katanya.